

**PANDUAN MENJAWAB**  
**KERTAS BAHASA MELAYU**  
**SPM**  
**(KERTAS 1103/1)**

# **JENIS-JENIS KARANGAN**

## **KARANGAN TIDAK BERFORMAT**

- **KEPERIHALAN**
- **GAMBARAN/ IMAGINASI**
- **FAKTA / PENDAPAT /  
PERBINCANGAN**
- **KEPERIHALAN / CERITA**
- **PERIBAHASA / CERITA / CERPEN**

# **KARANGAN BERFORMAT**

- **SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI**
- **SURAT KIRIMAN RASMI**
- **SYARAHAN / UCAPAN / CERAMAH**
- **LAPORAN**
- **DIALOG / WAWANCARA / TEMURAMAH**
- **RENCANA**
- **BERITA**

# TEMA SOALAN

- **Diri sendiri**
- **Keluarga**
- **Sekolah**
- **Masyarakat**
- **Negara**

**SOALAN BM KERTAS 1**  
**Tahun 2006**

**Bahagian A (45 minit – 30 markah)**

Huraikan pendapat anda tentang **isu yang dibincangkan dalam dialog di bawah**. Panjang huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

En. Wong : Remaja hari ini kurang mempunyai semangat patriotik.

En. Samad : Betul, Encik Wong. Saya fikir mereka perlu menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan mengambil bahagian dalam aktiviti bulan kemerdekaan.

En. Wong : Mereka juga perlu mengenali dan menghargai tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara kita.

## Bahagian B (1 jam 30 minit – 100 markah)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) penting dalam kehidupan pada masa ini.  
Huraikan faedah-faedah yang anda peroleh dengan menguasai ICT.
2. Ibu bapa merupakan insan terpenting dalam hidup setiap manusia. Jasa mereka kepada kita tidak ternilai harganya. Sempena sambutan Hari Keluarga, anda diminta untuk menyampaikan ceramah bertajuk “Menghargai Jasa Ibu Bapa”.  
Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.
3. Industri pertanian memberikan sumbangan yang semakin penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.  
Berikan saranan anda tentang peranan pelbagai pihak dalam memajukan industri.

4. Masalah jerebu yang berlaku di rantau ini dapat ditangani secara berkesan melalui kerjasama dengan negara-negara jiran.

Bincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani masalah tersebut.

5. Penghayatan nilai-nilai murni dalam karya sastera dapat membentuk peribadi yang baik dalam kalangan pembaca.

Berikan komen anda tentang pernyataan tersebut.

# ASPEK PENULISAN KARANGAN

- i) Menganalisis soalan
- ii) Merangka karangan
- iii) Menulis pendahuluan
- iv) Menulis perenggan
- v) Menulis penutup
- vi) Menyemak hasil penulisan



# PETUA KATA KUNCI SOALAN ESEI


- **Bincangkan**  
Membawa maksud bahaskan dengan mengemukakan hujah-hujah menyokong dan hujah-hujah menentang.
- **Bandingkan**  
Bermaksud berikan persamaan dan perbezaan sesuatu perkara yang dipersoalkan
- **Ulaskan**  
Bererti memberikan pendapat mengenai kebetulan dan ketepatan sesuatu perkara atau kenyataan dengan berasaskan bukti-bukti, logik dan hujah.
- **Nilaikan**  
Berkehendakkan dibuat penilaian atau keburukan sesuatu dengan memasukkan pendapat peribadi.
- **Terangkan atau Jelaskan**  
Bermaksud membuat tafsiran atau ditulis dalam perkataan yang lebih mudah, atau ceritakan
- **Nyatakan**  
bererti huraikan secara ringkas dan tepat

# MERANGKA KARANGAN

---

- i) Kaedah Peta Fikiran
- ii) Kaedah Berpandukan Soalan
- iii) Kaedah Kronologi
- iv) Kaedah Jalinan kata
- v) Kaedah Kata tanya
- vi) Kaedah Aristotal

# KAEDAH PETA FIKIRAN/MINDA



# KAEDAH BERPANDUKAN SOALAN

## Laporan Kecurian.

- i) **Bilakah anda menyedari kehilangan barang-barang tersebut?**
- ii) **Bilakah tarikh dan masa kejadian tersebut berlaku?**
- iii) **Di manakah rumah anda?**
- iv) **Apakah barang-barang yang dicuri?**
- v) **Berapakah taksiran harga barang-barang yang hilang?**
- vi) **Bagaimanakah pencuri dapat masuk ke rumah?**
- vii) **Siapakah orang yang anda syaki?**

# KAEDAH KRONOLOGI

**Pukul 8.00 pagi : Pendaftaran peserta**

**Pukul 8.30 pagi : Majlis perasmian oleh  
Tuan Pegawai Daerah.**

**Pukul 9.00 pagi : Ketibaan Y.A.B Perdana Menteri**

**Pukul 9.00 pagi : Majlis ucapan bermula**

- Ucapan pengerusi majlis**
- Ucapan pengerusi sambutan**
- Ucapan YAB Perdana Menteri**
- Penyampaian hadiah.**

**Pukul 11.00 pagi – Melawat pameran**

**Pukul 12.00 tgh. – Majlis bersurai**

# KAEDAH KATA TANYA

Ahli Sains  
Negara

Siapa

Apa

Di mana

Bila

Bagaimana

Mengapa

- **Siapakah ahli sains negara yang dimaksudkan?**
- **Apakah bidang sains yang diceburinya?**
- **Di manakah dia belajar?**
- **Bilakah dia dipilih sebagai ahli sains negara?**
- **Bagaimanakah dia boleh menjadi ahli sains negara?**
- **Mengapakah beliau dipilih sebagai ahli sains negara?**

# KAEDAH ARISTOTAL

**Tajuk : Kepupusan  
Haiwan**

**Definisi :**

**Apakah yang dikatakan kepupusan  
haiwan ?**

**Apakah contoh haiwan yang  
pupus?**

**Perbandingan :**

**Apakah perbezaan dan persamaan  
antara haiwan yang dilindungi  
dengan haiwan yang tidak  
dilindungi ?**

**Perkaitan :**

**Apakah sebab-sebab kepupusan  
haiwan?**

**Apakah langkah-langkah yang  
untuk menangani masalah ini?**

**Apakah masalah yang akan  
timbul?**

**Kemungkinan:**

**Apakah yang mungkin berlaku?**

**Apakah yang tidak mungkin  
berlaku ?**

**Bukti :**

**Apakah yang pernah diperkatakan  
oleh tokoh-tokoh penting dalam  
negara dan luar negara tentang  
perkara ini?**

# JENIS-JENIS PENDAHULUAN

- i) Pendahuluan jenis definisi
- ii) Pendahuluan jenis pendapat
- iii) Pendahuluan jenis suasana
- iv) Pendahuluan jenis persoalan
- v) Pendahuluan jenis peribahasa
- vi) Pendahuluan jenis sejarah
- vii) Pendahuluan jenis gabungan



# Pendahuluan Jenis Definisi

## Inflasi Sifar

Inflasi ialah kenaikan harga barangan dan perkhidmatan untuk jangka masa yang tertentu. Inflasi tercetus apabila terdapat lebih permintaan daripada penawaran bagi barangan dan perkhidmatan. Pada masa ini Malaysia mengalami kadar inflasi yang rendah. Kadar inflasi bagi tahun 1994 ialah 3.7% dan bagi 11 bulan pertama tahun 1995 kadar menurun kepada 3.5%.

# PENDAHULUAN JENIS PENDAPAT

## Masalah Disiplin Pelajar

Masalah disiplin pelajar dalam kalangan pelajar sekolah timbul lagi. Kali ini ditimbulkan sendiri oleh Menteri Pelajaran. Katanya masalah dan kedudukan disiplin para sekolah dewasa ini berada pada tahap yang membimbangkan . Sehubungan dengan hal itu , beliau menyarankan agar hukuman rotan diadakan semula untuk menghukum mereka yang melanggar disiplin atau melakukan kesalahan jenayah atau salah laku sekolah.

## PENDAHULUAN JENIS PERIBAHASA

### Semangat Bergotong –royong

'Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul',  
'Gunung sama didaki, lurah sama dituruni',  
merupakan peribahasa-peribahasa yang sering kita dengar. Tetapi, sejauh manakah kita mengamalkannya dalam kehidupan harian ? Peribahasa ini adalah antara peribahasa Melayu yang memberikan mesej yang jelas kepada kita tentang betapa pentingnya semangat bergotong royong, bermuafakat , dan bekerjasama dalam kalangan ahli masyarakat.

## PENDAHULUAN JENIS SUASANA

Baru-baru ini kita dikejutkan oleh suatu kes pembunuhan yang membabitkan seorang murid perempuan berusia 10 tahun di sebuah sekolah rendah. Pelajar berkenaan dilaporkan telah membunuh seorang kanak-kanak berumur tujuh tahun dan mencederakan seorang yang lain. Dalam satu kejadian yang lain pula, Seorang pelajar sebuah sekolah menengah menumbuk gurunya sehingga pengsan.

## PENDAHULUAN JENIS PERSOALAN

Makan di luar seolah-olah sudah menjadi suatu cara hidup bagi kebanyakan penduduk di Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan terdapatnya perniagaan makanan dalam bentuk gerai, restoran, atau pusat makanan segera di merata-rata tempat. Mengapakah sesebuah keluarga perlu makan di luar? Adakah ini merupakan suatu tabiat yang perlu? Mungkin ramai yang bersetuju jika kita merumuskan bahawa makan di luar bertujuan untuk mendapatkan perkhidmatan masak, menghidang, dan mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menjamu selera. Persoalan adakah tabiat ini sesuai dengan masyarakat Malaysia?

# PENDAHULUAN JENIS SEJARAH

Era muzik moden yang memasuki abad ke-20 menampakkan kemajuan dari segi teknologi pembikinan dan penggunaan muzik. Perkembangan muzik moden selaras dengan kemajuan teknologi elektronik yang menjana rentak, irama dan melodi yang pelbagai, dan kemunculan irama baru menjadi ikutan golongan tertentu, seperti rap, techno, alternatif, dan 'underground'. Era muzik generasi moden ini muncul di Barat dan merebak cepat selari dengan kepantasan kemajuan media massa. Perkembangan muzik di Malaysia tidak dapat lari daripada menerima pengaruh yang kebanyakannya bernilai negatif.

## PENDAHULUAN JENIS GABUNGAN

Beberapa orang pemimpin negara pernah berkata bahawa jika orang Malaysia hendak menjadi bangsa maju, mereka hendaklah 'berfikiran besar'. Bagi sesetengah orang berfikiran besar bererti berpandangan luas dan terbuka, tidak sempit, tidak kolot dan tidak terikat oleh tradisi. Orang yang berfikiran besar tidak menyibukkan diri dengan hal remeh-temeh dan tidak penting, tetapi memikirkan isu dan masalah, agenda, cita-cita besar, sanggup menghadapi cabaran dan risiko. Dia juga mesti sanggup menerima perubahan.



# MENULIS PERENGGAN ISI

**Perenggan isi hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi EMPAT ayat:**

- 1. Ayat Judul**
- 2. Ayat Huraian**
- 3. Ayat Bukti/Contoh**
- 4. Ayat Pengukuhan/Penegasan isi**



- ***Ayat Judul :***

- ayat yang mengandung kata kunci jawapan yang menjawab pokok persoalan karangan .  
Ayat judul ini boleh diletakkan pada bahagian awal, di tengah atau di hujung sesuatu perenggan. Hal ini bergantung pada huraian yang dilakukan oleh pelajar.

- ***Ayat Huraian:***

- huraian lanjut terhadap isi utama yang dikemukakan yang bertujuan untuk memberikan penjelasan terhadap perkara yang diperkatakan atau menyokong isi-isi utama.

## *Ayat Bukti atau ayat contoh:*

- ayat-ayat yang mengandung bukti atau contoh yang berkaitan dengan isi yang diperkatakan yang bertujuan untuk memperkuat hujah. Bukti dan contoh yang dikemukakan mestilah bukti-bukti yang sah dan bukan bukti-bukti atau contoh-contoh yang sengaja diada-adakan.

## ***Bersukan boleh menyihatkan badan seseorang.***

- (1) Bersukan boleh menyihatkan badan seseorang.
- (2) Bahan-bahan kumuh seperti peluh boleh dirembeskan , seterusnya menjadikan badan sihat dan cergas.
- (3) **Badan yang sihat akan melahirkan otak yang cerdas.**
- (4) Rakyat yang sihat dan cerdas akan menjadikan negara ini lebih produktif dan seterusnya akan membawa kepada pembangunan dan kemajuan kepada negara seperti maksud kata-kata hikmat 'Rakyat Sihat Negara Maju'.

# PERENGGAN PENUTUP

**Pelajar dikehendaki menulis :**

- **Pandangan**
- **Pendapat**
- **Cadangan**
- **Kesimpulan**

**Contoh :**

**Kesimpulannya, aktiviti bersukan banyak mendatangkan faedah bukan sahaja kepada rakyat malah kepada negara. Oleh hal yang demikian, rakyat digalakkan menyertai kegiatan sukan untuk kesihatan ataupun untuk kejayaan negara. Pihak kerajaan pula hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara supaya setiap anggota masyarakat dapat melibatkan diri dalam kegiatan tersebut. Slogan yang berbunyi 'Sukan Untuk Semua' dan 'Majulah Sukan Untuk Negara' hendaklah dipupuk dalam kalangan rakyat.**

# **AKSESORI KARANGAN**

- **Penanda wacana**
- **Peribahasa ( Simpulan Bahasa, Perumpamaan, Bidalan dan Pepatah )**
- **Kata-kata hikmat**

# PENANDA WACANA

- **Kata penghubung:**

Tetapi, serta, sesungguhnya. Lalu, agar, kerana, jika, supaya, dan walaupun.

- **Penambahan :**

Dan, sekali lagi, dan kemudian, Sebenarnya, Bertitik tolak, lebih-lebih lagi, juga, hal ini, dan selain itu

- **Perbandingan / Perbezaan:**

Tetapi, walaupun, sebaliknya, berbeza dengan, walau bagaimanapun, dalam nada yang berbeza, jika di-bandingkan dengan, setelah dibandingkan dengan , selain itu, seperti yang dimaklumkan, sama dengan, selari dengan , namun demikian, sehubungan itu, dan walau bagaimana sekalipun.

- **Turutan :**

Keduanya, Selepas itu, Pertamanya, Kemudiannya, Akhirnya, Seterusnya, lebih awal dari itu, selain itu, pertama sekali, dan lebih penting lagi

- **Contoh:**

Contohnya, seperti yang, biar kita ambil contoh, misalannya, yang dimaksudkan, dan mari kita mengambil contoh

- **Masa :**

Akhirnya, Dewasa ini, selepas itu, pada mulanya, Pada masa yang sama , sesekali, sebelum itu, semenjak itu, sementara itu, dan pada ketika itu.

- **Kesimpulan / Rumusan**

Oleh itu, jika tidak, jika begitu, ringkasnya, pendek kata, itu bermaksud, kesimpulannya, sekiranya tidak, maknanya ialah, sekiranya begitu, sebagai rumusan, pada keseluruhan, sebagai menggulung, jadi jelaslah, oleh itu, akibatnya, demikianlah, pendek kata, kesudahannya.

- **Penanda Wacana Umum :**

Dengan ini, sememangnya, sejajar dengan itu, sementelahan pula, pada kebiasaannya, sering kali kita merasakan , ramai berpendapat bahawa, amnya, lazimnya, justeru, umumnya, dengan ini , secara khususnya, dan selaras dengan itu.



# PERIBAHASA

- Simpulan bahasa :  
alas cakap, banyak lemak, lipas kudung dll
- Perumpamaan :
  - Bagai ayam disambar helang
  - Seperti kera mendapat bunga
  - Macam ular kekenyangan.
- Bidalan :
  - Ada gula ada semut
  - Sudah jatuh ditimpa tangga
- Pepatah :
  - Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
  - Gigi dan lidah adakalanya tergigit juga

# KATA-KATA HIKMAT

- **Bersatu teguh bercerai roboh**
- **Keadilan tidak mengenal kawan.**
- **Kata hendaklah dikota**
- **Sabar itu separuh daripada iman**
- **Bertanggung itu pencuri masa**

# SENARAI SEMAK PENULISAN KARANGAN

- No Kad pengenalan
- Angka giliran
- Perkara
- No. Soalan
- Ketepatan Soalan
- Format Karangan
- Pendahuluan karangan
- 3/5 Isi penting
- Huraian Isi
- Fakta dan Statistik penting
- Contoh
- Penutup karangan
- Jumlah perkataan
- Kesempurnaan Bahasa
- Keseimbangan perenggan
- Perbendaharaan kata
- Keseragaman struktur ayat
- Ejaan
- Tanda Baca
- Pengolahan
- Peribahasa/kata hikmat
- Kematangan fikiran
- Tulisan
- Nilai murni

# ***KELEMAHAN - KELEMAHAN DALAM PENULISAN KARANGAN***

- Tulisan buruk yang susah dibaca
- Kesalahan penggunaan tanda baca
- Kegagalan menyampaikan maksud ayat
- Ayat tergantung
- Tidak mementingkan pemerenggan
- Isi karangan tidak disusun dengan sempurna

- Terdapat banyak kesalahan ejaan
- Pengulangan isi karangan
- Menggunakan singkatan-singkatan perkataan seperti: dgn., dll., yg., spt., dan sebagainya.
- Kegagalan calon memahami kehendak soalan dan format karangan
- Gagal menghuraikan isi karangan dengan sempurna
- Gagal menggunakan imbuhan dengan betul
- Gaya bahasa yang digunakan tidak menarik langsung